

# Apec bukan badan eksklusif

JAKARTA, Rabu - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (Apec) tidak sepatutnya menjadi sebuah kelab eksklusif, sebaliknya perlu membuka pintu seluas-luasnya kepada negara di lingkungan Asia Pasifik.

Menurut Perdana Menteri, Apec adalah sebuah perundingan yang berdasarkan kepada kedudukan geografi dan sama sekali tidak bermotifkan politik.

"Oleh itu lautan Pasifik seharusnya menjadi faktor penyatuan utama terhadap forum Apec yang akan meneruskan perbincangannya setiap tahun dengan Jepun

menjadi tuan rumah di Osaka tahun depan.

"Bagi Malaysia, keanggotaan Apec perlu diperluaskan dengan membenarkan negara-negara lain di rantau Asia Pasifik menyertainya. Contohnya, negara-negara seperti Peru, Colombia dan Vietnam mempunyai hak untuk menyertainya," katanya.

Beliau berkata demikian dalam sidang akhbar selepas menyaksikan majlis menandatangani tiga Memorandum Persefahaman (MOU) di antara syarikat Malaysia dan Indonesia, di sini hari ini.

Tiga MOU itu membatikankan Djajanti Group dari Indonesia dengan

Malaysian Mining Corporation Berhad (MMC) termasuk dua perusahaan Dharmala Group iaitu Pt Dharmala Intiland dan PT Dharmindo Adhiduta, masing-masing dengan Damansara Realty Berhad dan CP (SEA) Sendirian Berhad dari Malaysia.

Selepas sidang akhbar selama 30 minit dalam bilik yang sesak dengan lebih 100 wartawan asing itu, Dr Mahathir berlepas ke Bandar Udara Halim Perdanakusuma untuk pulang ke tanah air.

Perdana Menteri berkata, selepas berakhirnya mesyuarat Ketua-Ketua Negara di Bogor semalam, persetujuan bersama mengenai isu

berkenaan masih belum diputuskan.

Semalam, perisytiharan Apec menerima pandangan Malaysia yang tidak mahu terikat pada sebarang jadual waktu untuk melaksanakan liberalisasi perdagangan.

Pandangan Malaysia itu diterima sebagai lampiran kepada deklarasi setebal lapan halaman yang dibaca oleh Presiden Suharto pada jam 3.45 petang semalam di Istana Bogor.

Apec kini dianggotai 18 negara termasuk Chile sebagai anggota baru di Jakarta. Anggota lain terdiri daripada Amerika Syarikat, New Zealand, Australia, Malaysia,

Brunei, Indonesia, Thailand, Filipina, Singapura, Kanada, Papua New Guinea (PNG), Mexico, China, Taiwan, Hong Kong, Korea Selatan dan Jepun.

Dr Mahathir berkata, anggota Apec perlu berusaha menubuhkan kerjasama serantau dengan memberikan kelonggaran penyertaan negara di luar Asia Pasifik.

"Fungsi Apec menerusi perbincangan sesama anggota adalah untuk mencapai Perjanjian Am Mengenai Tarif dan Perdagangan (Gatt). Ini boleh dilakukan menerusi usaha persendirian atau sehalu atau dengan persetujuan bersama," katanya.